



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 MAY 2016

Dr. Mahathir ada agenda tersendiri

UM
- 21/5/2016

KUALA LUMPUR 20

Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan sahaja mempunyai agenda tersendiri yang bercanggah dengan matlamat pakatan pembangkang, malah tidak melambangkan agenda reformasi yang diperjuangkan DAP, PKR dan PAN.

Sehubungan itu, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh berkata, amaran Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim tentang agenda Dr. Mahathir mesti dipandang serius oleh semua

pihak dalam pakatan pembangkang.

“Nasihat Anwar memang tepat pada masanya dan merupakan amaran yang tegas tentang agenda Dr. Mahathir,” katanya melalui rakaman video yang disiarkan portal berita propembangkang, KiniTV (<http://m.kinitv.com>) kelmarin.

Ramkarpal mengulas amaran Anwar tentang agenda Dr. Mahathir melalui surat lapan halaman bertajuk ‘Warkah Dari Penjara’ yang dikirimkan kepada pemimpin PKR.